



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

18 Februari 2023
27 Rejab 1444H

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	• Waspada serangan obor-obor
Kosmo !	•
Sinar Harian	• Berselindung di sebalik ikan hiasan
The Star	• Three nabbed over alleged fish bombs
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (Kuching)	•
The Sun	•
Sabah Media	•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	✓	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		20	18/2/2023

HM M/S 20 18/2/2023

Waspada serangan obor-obor

Georgetown: Pengunjung yang mandi atau melakukan aktiviti air di sekitar pesisir pantai di negeri ini dinasihati berwaspada daripada serangan obor-obor.

Ia susulan amaran oleh Pejabat Perikanan Negeri Pulau Pinang di sini, mengenai obor-obor yang boleh mendatangkan bahaya kepada manusia jika terkena sengatannya.

Tinjauan Harian Metro di sekitar Pantai Batu Feringghi yang juga pantai popular dalam kalangan pelancong itu semalam mendapati aktiviti sukan air beroperasi seperti biasa dan terdapat papan tanda amaran mengenai serangan obor-obor di laluan masuk ke kawasan pantai berkenaan.

Di Pantai Miami, Jalan Batu Feringghi pula, kebanyakan pengunjung tidak menyedari amaran berkenaan dan tiada papan tanda larangan diletakkan di kawasan itu.

Operator sukan air, Anuar Abdul Aziz, 54, berkata, serangan obor-obor memang biasa berlaku di mana-mana kawasan pantai termasuk di Batu Feringghi namun ia bukanlah terdiri daripada jenis yang boleh membawa maut.

Katanya, selain tidak mempunyai musim tertentu, obor-obor itu biasanya merapat ke pesisir pantai selepas cuaca hujan atau apabila air dicemari dengan sisa dibuang terus ke laut yang menjadi makanannya.

“Memang ada kejadian pengunjung terkena sengan obor-obor sebelum ini namun ia hanya menyebabkan kegatalan pada kulit mangsa.

“Di sini, kami sudah sediakan cuka sebagai kaedah rawatan jika ada pengunjung yang terkena sengan dan biasanya kegatalan itu akan hilang antara tempoh 15 hingga 30 minit kemudian,” katanya yang berpengalaman selama 30 tahun sebagai operator sukan air.

Pengunjung dari Jeniang, Kedah, Juliza Jaafar, 37, pula berkata, dia baharu sahaja tiba di Pantai Miami berikutan cuti sekolah yang sudah bermula semalam.

Menurutnya, dia yang datang bersama 12 ahli keluarga juga tidak mengetahui mengenai amaran terhadap serangan obor-obor di pesisir pantai negeri itu.

“Jadi saya cadangkan pihak berkuasa tempatan (PBT) letakkan papan tanda amaran di kawasan ini serta cara rawatan awal jika terkena serangannya,” katanya.

“
Cuka disediakan
sebagai rawatan
jika ada pengunjung
terkena sengan
Anuar
Abdul Aziz

JENIS AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN ✓	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN : POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL	20	18/2/2023



Berselindung di sebalik ikan hiasan

Pemeriksaan anggota Penguat Kuasa di kedai ikan hiasan ini mendapati terdapat pelbagai jenis ikan larangan pelbagai saiz antaranya peacock kribak dan aligator gar.

Pelbagai taktik digunakan untuk menyeludup masuk ikan larangan

Oleh MUHAMMAD AMINURALIF MOHD ZOKI SHAH ALAM

Ikan larangan disyaki diseludup masuk ke dalam negara dengan disyitiharkan sebagai ikan hiasan bagi mengaburi pihak berkuasa.

Bukan itu sahaja, biasanya ia dibawa masuk dalam saiz kecil oleh pihak tidak bertanggungjawab sebelum dijual di premis-premis ikan hiasan.

Malah, kegiatan menjual ikan-ikan terlarang itu juga menggunakan medium media sosial.

Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) Selangor, Noraisyah Abu Bakar berkata, ikan larangan itu



dipercayai diseludup oleh pihak tidak bertanggungjawab yang berselindung di sebalik pengimport ikan hiasan.

"Spesies larangan ini akan disyitiharkan sebagai ikan hiasan tropika yang menyerupai spesies yang dilarang import dari segi bentuk dan warna.

"Ia bersaiz kecil dengan ukuran panjang kira-kira dua hingga tiga sentimeter (sm) bagi mengelirukan pihak berkuasa," katanya kepada *Sinar Harian* selepas mengikuti operasi khas ikan larangan di sekitar Klang baru-baru ini.

Jelas beliau, ada pemilik atau syarikat yang menjalankan penjualan spesies ikan larangan dengan mengimport bersama-sama konsin (barang yang dikirim) menerusi syarikat pengimport berdaftar.

"Didapati ada syarikat atau pemilik syarikat yang menjual ikan larangan ini mengimport secara terus dari luar negara tanpa mengisytiharkan spesies yang diimport kepada pihak berkuasa," katanya.

“Tindakan ini bukan sahaja mengundang kepada ketidakseimbangan ekosistem malah boleh mengakibatkan kepupusan spesies-spesies ikan tempatan, la sekaiqis menyebabkan sumber pendapatan nelayan darat atau nelayan simpai akan turut terjejas.”

NORAISYAH



Kesalahan memiliki ikan larangan boleh dikenakan denda tidak lebih RM1,000 atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Menurut Noraisyah, menerusi risikan yang dilakukan mendapati terdapat pemilik premis yang tidak akan menjual ikan larangan dengan muda kepada mana-mana pihak sebaliknya hanya pelanggan yang pernah berurusan atau yang kerap membuat pembelian sahaja dibenarkan.

"Hasil risikan dan perkongsian maklumat Cawangan Konservasi dan Perlindungan Perikanan DOF Selangor mendapati terdapat premis yang mempunyai ruang atau tangki simpanan khas bagi menyimpan spesies ikan larangan ini.

Taktik ini digunakan bagi mengelak daripada pengetahuan pihak berkuasa.

Ruangan ini ditutup kemas dan ada juga pemilik premis yang menjual ikan larangan ini dengan menutup terus ruang tersebut dan hanya boleh diakses apabila yakin pelanggan yang berurusan adalah boleh dipercayai," ujarnya.

Noraisyah berkata, selain itu, media sosial turut dijadikan medium untuk menjual ikan larangan tersebut kerana disifatkan lebih mudah dan selamat selain mempunyai akses terus kepada pengguna.

"Ikan larangan seperti peacock bass, flower horn atau lohan dan pelbagai jenis ikan larangan lain mempunyai peminat yang tersendiri.

"Jadi kita dapati terdapat laman-laman khusus di media sosial yang mengumpul peminat pelbagai jenis ikan larangan ini, dan memudahkan penjual menyasarkan terus kepada peminat yang ingin membeli," ujarnya.

Dipercayai penjual ikan larangan itu juga dikesan mempunyai media sosial sendiri yang mana boleh diakses oleh pelanggan.

"Bagaimanapun, para pelanggan akan ditapis terlebih dahulu sebelum kebenaran untuk mengakses media sosial milik premis atau syarikat terbabit.

"Ini berkemungkinan bagi memastikan pelanggan mereka bukanlah daripada pihak berkuasa," katanya.

Mengulas lanjut, beliau menjelaskan, antara spesies ikan larangan yang telah dikenal pasti terdapat di dalam ekosistem perairan negeri Selangor ialah arapaima, peacock bass atau ikan raja, pacu, aligator gar atau ikan-buaya dan flowerhorn.

JENIS AKHBAR

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	✓	THE SUN		ORIENTAL DAILY	
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI	
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		
						21	18/2/2023

SINAR HARIAN • SABTU 18 FEBRUARI 2023

RENCANA JENAYAH

Kata beliau, lambakan ikan larangan di perairan sungai negara mengakibatkan ikan asal atau ikan tempatan berkurangan.

Noraisyah berkata, ikan pemangsa yang dibeli itu akan dipelihara sehingga mencapai saiz yang sangat besar dan tidak lagi boleh dipelihara di dalam akuarium, tangki atau kolam serta memerlukan kuantiti makanan yang banyak.

"Keadaan ini membebankan pemilik dan sebagai langkah mudah, mereka akan melepaskan spesies tersebut ke dalam tasik, lombong dan sungai.

"Tindakan ini bukan sahaja mengundang kepada ketidakseimbangan ekosistem malah boleh mengakibatkan kepupusan spesies-spesies ikan tempatan. Ia akan turut menyebabkan sumber pendapatan nelayan darat atau nelayan sungai akan terjejas.

"Perkara ini berlaku apabila spesies ikan larangan ini dilepaskan dengan sengaja dan akan mendominasi sesebuah ekosistem," katanya.

Serah secara sukarela

Dalam pada itu, beliau berkata, spesies ikan larangan tersebut perlu dikenal pasti sebelum tindakan diambil ketika penguatkuasaan dijalankan.

"Pasukan penguat kuasa perlu teliti dalam menjalankan pengecaman terhadap spesies ikan larangan ini.

"Hai ini kerana terdapat beberapa jenis ikan larangan ini hampir serupa dan segi bentuk dan warna dengan spesies ikan bukan larangan," katanya.

Ujar beliau, kesukaran turut ditempuhi untuk menjejaki pembeli, syarikat atau premis yang menjual dan memelihara spesies ikan larangan tersebut.

"Ikan larangan yang dikesan ini akan dirujuk kepada spesies ikan larangan di bawah genus (spesies) yang telah diwartakan di dalam Peraturan Peraturan Perikanan (Larangan Import Dsb Bagi



Anggota penguat kuasa merampas ikan larangan dari sebuah premis di Selangor.

Ikan) 1990 Pindaan 2011," katanya.

Tambah beliau, DOF meminta supaya mana-mana pihak atau individu yang memiliki spesies ikan larangan agar memohon kebenaran secara bertulis daripada Ketua Pengarah Perikanan Malaysia.

"Kesalahan memiliki ikan larangan membolehkan seseorang itu dikenakan denda tidak lebih RM1,000 atau penjara tidak melebihi satu tahun atau keduanya," katanya.

Ujar beliau, orang ramai pula diingatkan agar tidak melepaskan ikan tersebut ke dalam perairan umum sebaliknya laporkan kepada DOF dan menyerahkan secara sukarela.

Pemilik kedai beri bermacam alasan

"Saya tak tahu ikan ini tidak boleh bela," kata seorang pemilik kedai ikan hiasan selepas premisnya diserbu DOF Selangor menerusi Ops Ikan Larangan di Klang, baru-baru ini.

Pemeriksaan anggota penguat kuasa mendapati kedai milik individu berumur lingkungan 40-an itu memiliki ratusan jenis ikan larangan pelbagai saiz; antaranya peacock bass dan aligator gar.

Pemilik kedai tersebut mendakwa dirinya tidak tahu ikan yang dibela dan dijual itu dikategorikan sebagai ikan larangan.

Dia mendakwa tidak menerima sebarang maklumat atau habahan menyebabkan dirinya tidak tahu jenis-jenis ikan yang dilarang.

"Saya terkejut apabila pemeriksaan dijalankan mendapati ada ikan yang saya bela ini merupakan ikan larangan, kalau saya tahu saya memang tak akan bela dan jual.

"Ada di antara ikan ini saya bela dan ada di antaranya saya jual, sebab ikan ini dijadikan sebagai ikan hiasan," katanya.

Bagaimanapun, helah yang diberikan individu itu tidak dapat memperdayakan anggota penguat kuasa setelah hasil

NASIONAL 21

ANGKAMAN IKAN ASING

- Ikan asing invasif bermaksud sesuatu ikan asing yang telah atau berpotensi menyebabkan ancaman kepada alam semula jadi, kepada ekosistem dan kepelbagaian biologi asli, ekonomi atau kesihatan ikan dan manusia secara langsung atau tidak langsung akibat dari memusnahkan kewujudan dan penyebarannya.
- Spesies akuatik asing berbahaya merupakan isu global kerana ia merupakan isu merentas sempadan yang boleh menyebabkan imbas negatif berangkai semesta.
- Bermaya untuk memusnah dan mengubah ekosistem yang diperolehi. Langkah menangkalkan kepupusan spesies tempatan.
- Menggugat jaminan makanan dan keselamatan sumber biodiversiti termasuk kepelbagaian genetik.
- Menyebabkan keugiran yang tinggi kepada negara akibat kemerosotan sumber akuatik asli (perikanan langka).

siasatan dijalankan dan penjual tersebut akhirnya mengakui kesalahan yang dilakukannya.

Menerusi operasi yang dijalankan melibatkan tiga premis menjual ikan hiasan di sekitar Klang mendapati pemilik terlibat memiliki dan menjual beberapa jenis ikan larangan kepada orang ramai.

DOF Selangor telah merampas ikan jenis peacock bass dan aligator gar pelbagai saiz dengan keseluruhan nilai sebanyak RM19,950.



Ikan jenis pacu antara ikan larangan yang dikesan berada di kawasan tasik di Selangor.

SPESIES IKAN YANG DILARANG DIIMPORT KE MALAYSIA



Antara spesies ikan larangan yang telah dikenal pasti terdapat di dalam ekosistem perairan negeri Selangor ialah arapaima, peacock bass atau ikan raja, pacu, aligator gar atau ikan buaya dan flowerhorn.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH	
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR	✓	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		16	18/2/2023	

THE STAR m/s 16 18/2/2023

Three nabbed over alleged fish bombs

KOTA KINABALU: Three fishermen were arrested for allegedly using fish bombs in Sabah's east coast Semporna district.

It is learnt that marine policemen spotted the men, aged between 17 and 24, behaving suspiciously in Bud Parang waters at noon on Wednesday.

A check on their boat led police to find 45kg of marine life, which they believed were caught using explosives.

But they did not find any explosives and believed that the items had been tossed into the sea by the suspects on noticing the presence of the men in blue.

Region 4 Marine Police Commander Asst Comm Ahmad Ariffin confirmed the arrests and the seizure of the fish when contacted.

He said the suspects and seized items had been handed over to the Fisheries Department for further investigations.